

Rumah pejuang jadi galeri

BH - 26/2/2006

BATU PAHAT: Bekas kediaman tokoh pejuang bangsa, Dato' Onn Jaafar, yang kini berada di tengah padang Kelab Golf Batu Pahat akan dijadikan galeri bagi menghargai jasa pengasas Umno itu.

Exco Kesenian, Kebudayaan dan Warisan negeri, Ahmad Zahri Jamil, berkata pelbagai barang berkaitan Allahyarham akan ditempatkan di galeri berkenaan apabila bangunan berusia lebih 60 tahun itu dibaik pulih tidak lama lagi.

Beliau berkata, bangunan berkenaan pernah didiami Allahyarham Dato' Onn, ketika beliau menjadi Pegawai Daerah Batu Pahat pada 1945.

"Bangunan yang pernah menjadi kediaman pemimpin Melayu itu harus dijadikan galeri yang akan menempatkan pelbagai barang relevan dengan beliau.

"Kerajaan negeri akan mengubahsuai rumah berkenaan secepat mungkin," katanya kepada pemberita selepas melawat rumah berkenaan, di sini.

Bekas kediaman Dato' Onn itu dijadikan Markas Kompeni B, Rejimen 501 Askar Wataniah, sejak awal 1990-an.

Ahmad Zahri berkata, perbincangan akan dijalankan dengan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi memindahkan Askar Wataniah dari bangunan itu untuk dijadikan sebuah galeri lengkap.

"Difahamkan Dato' Onn tinggal bersama kira-kira 30 ahli keluarganya di rumah ini pada 1945," katanya.

“Galeri itu akan dibuka kepada umum supaya orang ramai dapat melihat dengan lebih dekat barang atau dokumen berkaitan perjuangan Dato' Onn”

Ahmad Zahri Jamil

Exco Kesenian, Kebudayaan dan Warisan negeri